

**BEGENDANG SARAWAK: KAJIAN  
REKONSTRUKSI KREATIF DALAM ASPEK  
BERTANDAK**

NURULAKMAL BINTI ABDUL WAHID

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2015**

## ABSTRAK

Tesis ini mengkaji seni persembahan tradisi Begendang Sarawak. Persembahan gendang Sarawak merupakan persembahan tradisi rakyat khususnya bagi masyarakat Melayu di Sarawak. Kajian ini meneliti proses perubahan yang berlaku antara persembahan begendang tradisi dengan yang baharu. Proses perubahan yang berlaku melalui kajian ini menunjukkan persembahan ini mempunyai perbezaan yang amat ketara dalam konstruk strukturnya. Persembahan tradisi telah diamalkan sejak sebelum zaman British di kampung-kampung di Sarawak sebagai hiburan untuk memeriahkan keraian majlis-majlis terutamanya majlis perkahwinan. Hakikatnya persembahan tradisi ini perlu digerakkan oleh generasi muda sebagai menggantikan aktivis budaya yang telah tua dan tidak upaya untuk bergerak aktif lagi. Tesis ini mengkaji proses perubahan

yang berlaku dalam konstruk struktur persembahan secara perbandingan antara kumpulan Indera Samudera Kenyalang di Kampung Tabuan Hilir, Kuching dengan Kampung Budaya Sarawak, (sebuah muzium budaya) di Santubong. Pendekatan rekonstruksi menjadi panduan kajian dengan menggunakan kaedah penyelidikan yang diaplikasikan berbentuk kualitatif melalui teknik kajian etnografi secara temu bual dan pemerhatian ikut serta melalui kajian lapangan. Dapat dirumuskan daripada tesis ini bahawa persembahan tradisi mengalami perubahan secara berterusan untuk berkembang dan bertahan dalam masyarakat. Hakikatnya persembahan di Kampung Budaya Sarawak bahkan melalui proses rekonstruksi yang lebih nyata dan setelah di struktur semula, persembahan yang baharu itu menjadi repertoir utama persembahan.



This thesis examines the performing arts of Sarawak Begendang. This performance is a folk tradition of Sarawak especially for the Malays of the community. This study examines the process of changes that occurred between the traditional and new form of Begendang performances. The process of change is happening and the study has shown a very noticeable difference in its structure construct. This performing arts tradition has been practiced since the pre-British era in villages in Sarawak as entertainment to enliven the gatherings especially weddings. The fact is that this ongoing tradition has to give way to new generations of activists to replace the older generations who cannot be active anymore. This thesis as a study focuses on the process of changes as seen in the performance structure between two groups, Indera Samudera Kenyalang at Kampung

Tabuan Hilir and Sarawak Cultural Village (culture museum), Santubong.



05-4506832

pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Reconstruction approach is used for this study. This research use applied qualitative research through ethnographic approach in interview techniques and observations via the fieldwork method. The study found that the presentation of these changes is continuously happening and impacting upon the community. The performance tradition at the Sarawak Cultural Village has undergone the process of reconstruction changes and after restructuring, the latest presentation structure has served as the main repertoire for the performance.

## KANDUNGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

### Abstrak

ii

### Abstract

iii

### Penghargaan

iv

### Senarai Kandungan

v

### Senarai Gambar

vii

### Senarai Rajah

viii

### Senarai Jadual

x

### Senarai Glosari

xi

### Senarai Lampiran

xii



05-4506832

**Bab 1 : Pendahuluan**Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

|     |                          |    |
|-----|--------------------------|----|
| 1.1 | Pengenalan               | 1  |
| 1.2 | Latar Belakang Kajian    | 3  |
| 1.3 | Permasalahan Kajian      | 4  |
| 1.4 | Objektif                 | 5  |
| 1.5 | Kepentingan Kajian       | 6  |
| 1.5 | Metodologi Kajian        | 7  |
| 1.6 | Batasan Kajian           | 9  |
| 1.7 | Ulasan Karya             | 10 |
| 1.8 | Struktur Pembahagian Bab | 16 |

### Bab 2 : Kajian Literatur

|     |                                     |    |
|-----|-------------------------------------|----|
| 2.1 | Pengenalan                          | 17 |
| 2.2 | Rekonstruksi dalam Persembahan Tari | 17 |
| 2.3 | Struktur dalam Persembahan Tari     | 21 |
| 2.4 | Gendang Melayu Sarawak              | 24 |
| 2.5 | Rumusan                             | 26 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi

**Bab 3 : Struktur Persembahan *Begendang***

|         |   |    |
|---------|---|----|
| 3.1     | Pengenalan  | 27 |
| 3.2     | Persembahan Tradisi <i>Begendang</i>                          | 28 |
| 3.2.1   | <i>Begendang</i>  | 29 |
| 3.2.2   | <i>Bermukun</i>   | 31 |
| 3.2.3   | Bertandak   | 39 |
| 3.2.4   | Fungsi Persembahan Tradisi <i>Begendang</i>                   | 42 |
| 3.2.5   | Elemen-elemen dalam Persembahan Tradisi <i>Begendang</i>      | 43 |
| 3.3     | Persembahan <i>Begendang</i> Di Kampung Tabuan Hilir, Kuching | 50 |
| 3.3.1   | Kumpulan Indera Samudera Kenyalang                            | 52 |
| 3.4     | Persembahan Baharu <i>Begendang</i> di Kampung Budaya Sarawak | 55 |
| 3.4.1   | Kampung Budaya Sarawak  | 55 |
| 3.4.1.1 | Fungsi Persembahan  | 61 |
| 3.4.1.2 | Elemen Persembahan  | 62 |
| 3.4.2   | Persembahan <i>Begendang</i> Di Kampung Budaya Sarawak        | 64 |
| 3.4.3   | Ramli Ali, Koreografer Kampung Budaya Sarawak                 | 68 |
| 3.5     | Rumusan   | 69 |

**Bab 4****Rekonstruksi dalam Persembahan Bertandak**

|       |  |     |
|-------|--|-----|
| 4.1   | Pengenalan                               | 71  |
| 4.2   | Bertandak                                | 71  |
| 4.2.1 | Langkah Tandak Dalam Persembahan Tradisi | 72  |
| 4.2.2 | Langkah Tandak Dalam Persembahan Baharu  | 73  |
| 4.2.3 | Bentuk Pola Lantai Persembahan           | 83  |
| 4.3   | <i>Begendang</i> dan <i>Bermukun</i>     | 104 |
| 4.4   | Sinografi                                | 110 |
| 4.5   | Rumusan                                  | 112 |

**Bab 5****Rumusan Dan Cadangan**

113

Rujukan

Lampiran



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI GAMBAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| No.        | Tajuk  | Muka Surat |
|------------|--|------------|
| Gambar 3.1 | Busana bagi persembahan tradisi yang diadakan di pangkin atau dalam rumah  | 45         |
| Gambar 3.2 | Perubahan Busana bagi persembahan tradisi yang diadakan di balai raya atau dewan                                   | 46         |
| Gambar 3.3 | Gambar tabir yang digunakan dalam persembahan tradisi <i>Begendang</i> .<br>(dimuat turun daripada laman sesawang) | 47         |
| Gambar 4.1 | Contoh gambar gendang yang digunakan dalam persembahan <i>Begendang</i>  | 105        |
| Gambar 5.4 | Busana bagi persembahan pentas Kampung Budaya Sarawak  | 111        |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI RAJAH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptuppsi

| <b>No.</b>       | <b>Tajuk</b>  | <b>Muka Surat</b> |
|------------------|---|-------------------|
| Rajah 1.1        | Kaedah Penyelidikan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji                               | 7                 |
| Rajah 4.1        | Kedudukan pentas dalam struktur pola lantai Labanotasi                                    | 84                |
| Rajah 4.2        | Simbol dan maksud huraian simbol dalam Labanotasi   | 84                |
| Rajah 4.3        | Kedudukan pemain dalam persembahan tradisi  | 85                |
| Rajah 4.4        | Pola lantai bentuk C  | 87                |
| Rajah 4.5        | Pola lantai mengundur ke kanan dengan menggunakan langkah asas Tandak                     | 88                |
| Rajah 4.6 (i)    | Pola lantai mengundur ke kanan atau kiri dengan menggunakan langkah <i>Ketam</i>          | 89                |
| Rajah 4.6 (ii)   | Pola lantai mengundur ke kiri dengan menggunakan langkah <i>Ketam</i>                     | 89                |
| Rajah 4.7 (i)    | Pola lantai ke sudut <i>diagonal</i>  | 90                |
| Rajah 4.7 (ii)   | Pola lantai bentuk C  | 91                |
| Rajah 4.8        | Kedudukan pemain dalam persembahan baharu   | pt93              |
| Rajah 4.9        | Pola lantai Sembah Masuk  | 94                |
| Rajah 4.10       | Pola lantai Langkah <i>Seladang</i>   | 95                |
| Rajah 4.11       | Pola lantai Langkah <i>Seladang</i> dan Langkah <i>Tigak</i>                              | 96                |
| Rajah 4.12       | Pola lantai Awan Darat  | 97                |
| Rajah 4.13       | Pola lantai Helang Endang   | 98                |
| Rajah 4.14 (i)   | Langkah <i>Sasi Tigak</i> , langkah <i>Manok Ngencot</i> dan langkah <i>Lenggang Itik</i> | 98                |
| Rajah 4.14 (ii)  | Sambungan,  | 99                |
| Rajah 4.14 (iii) | Sambungan,  | 99                |
| Rajah 4.15       | Langkah <i>tigak</i> empat sudut penjuru  | 100               |
| Rajah 4.16 (i)   | Langkah asas tandak   | 101               |
| Rajah 4.16 (ii)  | Langkah basikal dan <i>ketam</i> ke kanan   | 102               |
| Rajah 4.16 (iii) | Langkah basikal dan <i>ketam</i> ke kiri  | 102               |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptuppsi

|  |   |  |   |  |
|--|---|--|---|--|
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun<br>Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun | 103<br> ptbupsi |
| Rajah 4.17 (ii)  | Pola lantai penutup dengan menggunakan langkah <i>sasi</i>  |  |   | 104  |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI JADUAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| No.        | Tajuk   | Muka Surat |
|------------|---|------------|
| Jadual 3.1 | Irama-irama <i>Lamak</i> dan Moden  | 52         |
| Jadual 3.2 | Jadual Acara Tahunan Kampung Budaya Sarawak<br>(dimuat turun dari laman Kampung Budaya Sarawak) | 60         |
| Jadual 3.2 | Ringkasan Bagi Perbandingan Persembahan Tradisi<br>Dan Baharu                                   | 69 – 70    |
| Jadual 5.2 | Langkah Tandak Warisan Kampung Budaya Sarawak   | 74 – 83    |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

|                     |  |
|---------------------|--|
| <i>ampe</i>         | sampai                                   |
| <i>bage</i>         | bagai                                    |
| <i>baju pelanin</i> | baju kemeja berlengan panjang            |
| <i>baju tuwit</i>   | baju kot hitam                           |
| <i>berisik</i>      | berisi                                   |
| <i>bermukun</i>     | berpantun                                |
| <i>juh</i>          | jom                                      |
| <i>kamek</i>        | saya                                     |
| <i>kasut beret</i>  | kasut hitam yang berkilat                |
| <i>kede</i>         | kedai                                    |
| <i>kenai</i>        | kenal                                    |
| <i>kitak</i>        | awak                                     |
| <i>lamak</i>        | lama                                     |
| <i>maok</i>         | mahu                                     |
| <i>manok</i>        | ayam                                     |
| <i>meneter</i>      | meniti                                   |
| <i>menigak</i>      | tendangan kecil dari tumit kaki          |
| <i>nang</i>         | memang                                   |
| <i>nerejas</i>      | Kampus Sultan Abdul Jalil Shah           |
| <i>ngenal</i>       | sejenis bunga                            |
| <i>ngencot</i>      | kenal                                    |
| <i>ngikot</i>       | tempang                                  |
| <i>penandak</i>     | ikut                                     |
| <i>penopeng</i>     | penari                                   |
| <i>perauk</i>       | penari yang menggunakan kain sarung      |
| <i>pulo</i>         | untuk menutup muka semasa menari         |
| <i>rah</i>          | perahu                                   |
| <i>sasi</i>         | pulau                                    |
| <i>seh gendang</i>  | di                                       |
| <i>sidak</i>        | kaki ditendang dalam keadaan bergantung  |
| <i>sik</i>          | pemain gendang yang terdiri daripada dua |
| <i>sungei</i>       | atau tiga orang wanita                   |
| <i>tauk</i>         | kamu                                     |
| <i>tigak</i>        | tidak                                    |
| <i>tok</i>          | sungai                                   |
|                     | tahu                                     |
|                     | tumit kaki                               |
|                     | ini                                      |

## SENARAI LAMPIRAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

| Lampiran   | Tajuk  |
|------------|--|
| LAMPIRAN A | Peta Sarawak dan Bandar Kuching  |
| LAMPIRAN B | Gambar dan Organisasi Kumpulan Indera Samudera Kenyalang   |
| LAMPIRAN C | Peta Kedudukan Kampung Budaya Sarawak  |
| LAMPIRAN D | Gambar Ramli Ali dan penari-penari Kampung Budaya Sarawak semasa latihan dan persempahan berlangsung   |
| LAMPIRAN E | Notasi Muzik <i>Begendang</i> dan Tandak Warisan   |
| LAMPIRAN F | Pertandingan Irama Bermukun 2012 anjuran Pertubuhan Peradaban dan Warisan Melayu (ADAB) dan Dewan Pustaka Cawangan Sarawak pada 10 November 2012 di Balai Budaya, DBP Petra Jaya |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sarawak merupakan salah sebuah negeri yang terbesar antara tiga belas negeri di Malaysia. Negeri Sarawak terbahagi kepada sebelas bahagian pentadbiran iaitu Kuching, Kota Samarahan, Sri Aman, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu, Mukah, Miri dan Limbang. Kuching ialah ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri. Negeri ini mempunyai dua perpuluhan lima juta orang penduduk. Sarawak mempunyai 27 kumpulan etnik yang terdiri daripada Iban, Melayu, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu, Cina, India dan kaum bumiputera yang lain. Bandar raya dihuni oleh orang Cina dan orang Melayu. Bilangan orang bumiputera yang berhijrah ke bandar raya dan bandar

05 juga kian meningkat. (Sila Rujuk  Lampiran A).

PustakaTBainun



ptbupsi

Dengan adanya dua puluh tujuh kumpulan etnik asli yang bertutur dalam sekurang-kurangnya empat puluh lima loghat/dialek yang berbeza, kaum-kaum di negeri Sarawak masih mengamalkan pelbagai tradisi, adat dan agama. Penduduk negeri Sarawak dapat menikmati pelbagai perayaan sepanjang tahun. Kepelbagaiannya budaya ini juga membolehkan negeri Sarawak menjadi satu daripada destinasi pelancongan yang paling popular di wilayah ini. Kaum-kaum di Sarawak menganut pelbagai agama seperti agama Islam, Kristian, Buddha, Animisme, Taoisme dan Confucianisme. Kesemua masyarakat Melayu di Sarawak beragama Islam. Manakala, kaum bumiputera seperti Bidayuh, Iban, Orang Ulu dan Melanau segelintirnya beragama Kristian dan ada juga yang masih mengamal agama Animisme. Bagi kaum lain seperti Cina dan India, masing-masing mempunyai pilihan agama sendiri seperti Buddha, Hindu, Taoisme dan

Confucianisme. Walau bagaimanapun, ada juga segelintir daripada kaum-kaum ini telah memeluk agama Islam.



05-4506632



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kepelbagaiannya bangsa dan agama ini telah mewujudkan pelbagai perayaan, seni persembahan dan upacara ritual. Antaranya, perayaan Hari Raya Puasa, Hari Gawai, Tahun Baru Cina, Krimas dan Deepavali. Upacara yang sangat terkenal dan diadakan pada setiap tahun ialah Pesta Kaul di Mukah dan Pesta Benak di Sri Aman. Kedua-dua pesta ini telah menjadi tarikan utama pelancong terutamanya pelancong dari luar negara.

Di Sarawak, terdapat satu bentuk seni persembahan tradisional yang dikenali sebagai *begendang* yang diamal oleh masyarakat Melayu. *Begendang* atau dalam bahasa Melayu ialah bergendang yang bermaksud bermain gendang. Tetapi istilah *begendang* digunakan oleh masyarakat pendukung(*beholder*) yang bermaksud sebuah aktiviti bergendang dengan adanya gabungan aktiviti *bermukun* (berbalas pantun) dan bertandak (menari). Seni persembahan ini ialah sebuah produk seni budaya Melayu di mana, kegiatannya memberi impak dalam mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli masyarakat sebagai persembahan untuk menyerikan majlis-majlis keraian seperti majlis perkahwinan, kelahiran, masuk rumah baru, umpamanya.

Penulisan kajian ini akan membincang dan menghuraikan tentang proses dan struktur seni persembahan *begendang*. Persembahan ini mempunyai tiga bahagian utama iaitu bergendang, *bermukun* (penggunaan bahasa dialek Sarawak yang bermaksud berpantun) dan bertandak. Ketiga-tiga bahagian tersebut akan diuraikan bagi menjelaskan apakah struktur persembahan yang terdapat dalam persembahan ini.

Kajian akan bertumpukan kepada bahagian bertandak kerana proses perubahan yang dilakukan Ramli Ali (seorang koreografer yang berkhidmat di Kampung Budaya Saraak), lebih kepada struktur persembahan bertandak. Sementara struktur persembahan bergendang merupakan pengisian muzik yang menggunakan alat muzik gendangan dan

dimainkan secara langsung oleh wanita. Manakala struktur persembahan bermukun pula merupakan pengisian seni persembahan berunsur kannyanyian secara berbalas pantun yang dilakukan antara salah seorang pemain gendang dengan penari yang bertandak. Struktur bertandak secara khusus menerapkan pengisian persembahan melalui tarian joget yang hanya ditarikar oleh penari-penari lelaki.

## 1.2 Latar Belakang

Latarbelakang kajian ini berdasarkan hasil pemerhatian terhadap perubahan yang berlaku dalam persembahan *begendang* di Kampung Budaya Sarawak pada tahun 2010. Persembahan *begendang* telah dipersembahkan oleh artis-artis budaya Kampung Budaya Sarawak yang merangkumi dari kalangan penari, pemuzik dan penyanyi. Perubahan persembahan *begendang* melalui struktur bertandak ini telah dilakukan oleh koreografer Kampung Budaya Sarawak, iaitu saudara Ramli Ali, dan perubahan persembahan ini telah menjadi salah satu dari repertoire persembahan tari bagi mewakili persembahan masyarakat Melayu di Sarawak. Perubahan yang dilakukan ini telah mendorong kajian ini mengkaji dengan lebih teliti tentang corak persembahan *begendang* tradisi dan baharu yang telah dipersembahkan di Kampung Budaya Sarawak.

Menerusi corak persembahan tradisi, kajian turut dijalankan di sebuah kampung sekitar bandar Kuching iaitu di Kampung Tabuan Hilir. Sebuah kumpulan *begendang* telah ditubuhkan di kampung tersebut iaitu kumpulan Indera Samudera Kenyalang. Kumpulan ini diketuai oleh Encik Jamal Jauhari (lebih dikenali sebagai Paksu).

Manakala untuk corak persembahan *begendang* baharu, kajian hanya akan menumpukan kepada corak persembahan di Kampung Budaya Sarawak iaitu sebuah

organisasi yang telah melakukan usaha pembaharuan bagi mengekalkan dan memulihara seni budaya tradisi yang terdapat di Sarawak. Kampung Budaya Sarawak juga digelar sebagai *living museum*. *Living* bermaksud sebuah kehidupan yang wujud dalam sebuah komuniti, manakala *museum* (muzium) bermaksud sebuah tempat simpanan untuk mengumpul dan mempamerkan harta benda yang mempunyai nilai saintifik, sejarah atau seni.

Kajian ini juga akan memperlihatkan persembahan tradisi secara diakronik dengan meninjau latar belakang dan sejarah perkembangan persembahan. Bagi persembahan baharu, kajian akan memperlihatkan secara sinkronik menerusi persembahan di Kampung Budaya Sarawak. Fokus kajian ini juga akan menganalisis proses perubahan bertandak dengan menggunakan pendekatan rekonstruksi.

### 1.3 05-450 Permasalahan Kajian

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

*Begendang* mengalami proses perkembangan yang melibatkan generasi tua dan muda. Penglibatan generasi muda dalam persembahan *begendang* telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam struktur persembahan *begendang* daripada tradisi ke persembahan baharu.

Dalam struktur *begendang* persembahan tradisi pemain muzik terdiri daripada kaum wanita tetapi dalam persembahan baharu kesemua pemain muzik dan penyanyi terdiri daripada kaum lelaki. Bagi struktur *bermukun* pula, aktiviti berbalas pantun yang terdapat dalam persembahan tradisi tidak dilakukan lagi dalam persembahan baharu. Nyanyian pantun dinyanyikan oleh penyanyi lelaki dalam bentuk dendangan lagu.

Manakala dalam struktur bertandak dalam persembahan tradisi dapat dilihat di mana para penari bertandak secara berpasangan dengan gaya improvisasi dan spontan tetapi

dalam persembahan baharu, perubahan daripada segi koreografi, keseragaman gaya dan penambahan penari telah diolah semula. Selain itu, fungsi persembahan tradisi *begendang* pada asalnya adalah sebagai salah satu persembahan hiburan bagi masyarakat Melayu untuk memeriahkan majlis keramaian. Proses perubahan dalam struktur persembahan *begendang* telah memberi implikasi terhadap fungsi persembahan di mana dalam persembahan tradisi *begendang*, ia merupakan persembahan hiburan dalam meraikan majlis-majlis tertentu. Tetapi, dalam persembahan baharu, persembahan *begendang* diolah untuk dijadikan sebagai salah satu persembahan untuk tontonan pelancong.

Dorongan daripada perubahan-perubahan dalam struktur persembahan di Kampung Budaya Sarawak ini menjadikan keperluan untuk mengkaji secara perbandingan antara konstruksi dan rekonstruksi tradisi dan yang baharu. Dengan melihat perubahan yang berlaku, pengkaji dapat meneliti proses perubahan yang berlaku ke atas struktur persembahan *begendang*.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian yang pertama ialah mengenalpasti struktur asal persembahan tradisi *begendang*.

Objektif kedua, mengklasifikasikan struktur persembahan *begendang* sebagai proses kreativiti yang berlaku dalam proses rekonstruksi.

Objektif yang ketiga ialah menganalisis bahagian bertandak dengan menggunakan pendekatan rekonstruksi.

## 1.4 Kepentingan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Secara umumnya, penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan. Setiap kajian penyelidikan mempunyai kepentingan kajian sama ada untuk masyarakat, akademik atau sesebuah organisasi.

Kepentingan pertama ialah bagi menjelaskan struktur persembahan *begendang* sebagai salah satu warisan tradisi rakyat yang harus dikekalkan dan dipelihara. Kedua-dua persembahan yang tradisi dan baharu perlu didedahkan dengan lebih meluas lagi dan dipersembahkan sebagai milik masyarakat. Penglibatan generasi muda sangat diperlukan untuk mengekalkan serta menghidupkan kembali seni persembahan tradisi ini. Pada masa yang sama, ia juga membantu seni persembahan ini supaya dihargai setiap lapisan masyarakat bukan sahaja masyarakat Melayu Sarawak malah kaum-kaum lain.

Kepentingan kedua ialah kerja menganalisis terhadap ketiga-tiga bahagian penting yang terdapat dalam persembahan *begendang*. Analisis terhadap ketiga-tiga bahagian ini dapat memberi informasi mengenai apakah dan bagaimana proses perubahan struktur persembahan *begendang* dilakukan.

Kepentingan yang ketiga ialah kajian ini menjadi asas dalam pembinaan bahan rujukan utama dalam bidang seni persembahan di Malaysia. Hasil kajian ini akan menjadi rujukan dan panduan untuk kajian penyelidikan pada masa akan datang. Kepentingan ini akan membantu dalam masalah ketandusan bahan rujukan dalam bidang seni persembahan tradisi di Sarawak, khasnya dan di Malaysia amnya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## 1.5 Metodologi Kajian


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun ptbuspi  
Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pemerhatian, pemerhatian ikut serta, temu bual, mendokumentasikan melalui rakaman video serta gambar dan pembacaan bahan-bahan sekunder di perpustakaan untuk mendapat informasi serta menambah pengetahuan tentang kajian ini.

Bagi kajian ini, frasa pra-lapangan, pembacaan bahan sekunder dilakukan untuk menambah pengetahuan tentang persembahan tradisi *begendang* dengan melihat melalui aspek diakronik. Beberapa persembahan tradisi *begendang* telah ditonton secara langsung di majlis-majlis rasmi dan perkahwinan. Melalui aspek sinkronik pula, pemerhatian dilakukan dengan menonton rakaman video proses latihan Ramli Ali, bersama penari Kampung Budaya Sarawak dan persembahan pertama repertoire ini dipersembahkan. Selain daripada itu, pembacaan bahan-bahan sekunder dilakukan secara berterusan untuk menambah informasi terutama kajian tentang tari dan teori seni persembahan bagi menguasai topik kajian ini.

Pemerhatian ikut serta dan temu bual dilakukan semasa berada di lapangan. Untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci bagi persembahan tradisi, kajian telah melakukan kajian lapangan di Kampung Tabuan Hilir, Kuching. Sesi temu bual dilakukan dengan ketua kumpulan Indera Samudera Kenyalang, Jamal Johari (dikenali sebagai Paksu). Beliau merupakan salah seorang aktivis budaya yang masih aktif dalam persembahan tradisi ini. Pemilihan kumpulan ini adalah kerana ia merupakan sebuah kumpulan yang masih bergiat aktif dan membuat persembahan dengan masih melibatkan ketiga-tiga unsur ini dalam persembahan. Manakala untuk kategori corak persembahan baharu, sesi temu bual dilakukan bersama saudara Ramli Ali yang merupakan koreografer Kampung Budaya Sarawak dan beberapa orang penari dan pemuzik yang turut dari Kampung Budaya Sarawak.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi  
Kaedah temu bual yang digunakan ialah temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kedua-dua kaedah ini semasa membuat sesi temu bual bersama kedua-dua informan utama dan para penari serta pemuzik. Ini kerana ia akan membantu penulis untuk mendapat informasi dan memahami secara mendalam tentang persembahan *begendang*.

Keseluruhan data yang diperoleh daripada kajian pra-lapangan dan lapangan dikumpul dan disusun. Pada masa yang sama, kajian pasca lapangan iaitu pembacaan bahan sekunder seperti artikel, jurnal, katalog dan buku diteruskan.



Rajah 1.1 Kaedah penyelidikan Kualitatif yang digunakan oleh pengkaji

## 1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada bahagian bertandak dalam rekonstruksi baru di Kampung Budaya Sarawak. Lokasi kajian adalah tertumpu di Kampung Budaya Sarawak kerana proses perubahan rekonstruksi hanya berlaku di sini. Persembahan *begendang* mengandungi beberapa bahagian iaitu bergendang, *bermukun* dan bertandak.

Kajian ini memberi fokus kepada bahagian bertandak kerana bidang penyelidikan hanya menekankan terhadap aspek seni tari sahaja.



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Bagi persembahan tradisi, kajian ini melihat struktur asal yang terdapat di kampung Tabuan Hilir, Kuching. Kumpulan yang menggerakkan aktiviti *begendang* di kampung tersebut digelar Kumpulan Indera Samudera Kenyalang. Kumpulan tersebut merupakan satu-satunya kumpulan yang bergiat aktif dan memenuhi struktur persembahan *begendang* di mana kumpulan ini merupakan sebuah kumpulan yang mempunyai ahli yang lengkap iaitu adanya *seh gendang*, pemain biola, gong dan para penandak yang terdiri daripada dua generasi (tua dan muda).

## 1.7 Ulasan Karya

Ulasan karya bertujuan untuk menunjukkan rujukan-rujukan ulasan karya yang terpilih dalam membantu kajian ini. Antaranya tentang struktur, konstruksi dan rekonstruksi dalam persembahan tari. Ulasan bagi karya-karya terpilih ini fokus terhadap karya yang relevan dengan kajian ini termasuk buku, artikel, jurnal, jurnal elektronik, surat khabar, tesis serta disertasi.

Terdapat dua buku rujukan yang digunakan bagi topik yang membincangkan tentang struktur iaitu, oleh Anca Giurchescu and Sunni Bloland (1995), berjudul *Romanian Traditional Dance*. Dalam buku ini, Anca menghuraikan beberapa topik tentang konteks dan pendekatan struktur yang digunakan dalam kajian beliau terhadap tarian tradisional Romania. Anca memperkenalkan apakah itu struktur dan bentuk dalam persembahan tari. Anca menggunakan analisis struktur dalam mengkaji tarian tradisional Romania serta memecahkan tari dalam beberapa unit dan fungsi bagi setiap unit tersebut. Anca juga membincangkan tentang perhubungan di antara tari muzik dan teks.

Karya Anya Royce Peterson (2002), melalui bukunya berjudul *The Anthropology of Dance* menghuraikan dan mengeksplorasi dari perspektif antropologi tari. Selain itu, Anya memecahkan buku ini kepada tiga bahagian iaitu bahagian satu *The Anthropology of Dance* di mana ia lebih menghuraikan tentang definisi tari oleh beberapa ahli antropologi dengan pengertian tari dan bagaimana hubungan tari dan masyarakat, perspektif antropologi, kaedah dan teknik serta struktur dan fungsi. Bahagian dua, Anya menghuraikan *Problem and Perspectives* dengan menghuraikan tentang perspektif sejarah yang berdasarkan beberapa contoh kajian kes, kaedah perbandingan dalam sesebuah kajian serta simbol dan gaya. fokus dalam bidang pengajian antropologi dan beliau memberi beberapa contoh kajian yang telah dibuat oleh beberapa orang pengkaji tari dan budaya. Bahagian yang terakhir ialah *The Morphology of Dance, The meaning of Dance* dan kesimpulan.


Ulasan karya yang seterusnya ialah daripada jurnal elektronik tentang topik konstruksi di mana pendekatan ini digunakan untuk melihat proses perubahan bertandak dalam persembahan baharu *begendang. Understanding Personal Construct Theory and George Kelly* oleh Valarie Stewart yang ditulis secara atas talian menghuraikan tentang pemahaman bagi *Personal Construct Psychology*. Konsep konstruksi dapat difahami sebagai pembinaan atau susunan semula sesuatu seperti bangunan atau rangkai kata ayat. Manakala, rekonstruksi pula bermaksud, perbuatan membentuk sesuatu gambaran atau peristiwa lalu dengan mengumpul dan menjalin maklumat yang telah diperoleh. Konstruksi merupakan teori yang dicipta oleh George Alexander Kelly, seorang ahli psikologi, ahli terapi, pendidik dan juga ahli teori personaliti Amerika. Beliau dianggap sebagai bapa psikologi kognitif klinikal dan terkenal dengan teori personaliti, iaitu, *Personal Construct Psychology*.

*The term construct is particularly well-chosen, because it reflects the concept's dual role. On the one hand, your constructs represent the view you have*

*constructed about the world as you experienced it. On the other hand, your constructs indicate how you are likely to construe the world as you continue to experience it. Your construct system is your history and your predisposition to perceive' (Stewart, 2006, paragraph).*

Bagi pemahaman huraian ini, konsep konstruksi memainkan dua peranan. Peranan pertama ialah konstruksi sebagai menggambarkan sesuatu pandangan yang telah dialami. Peranan kedua ialah menggambarkan bagaimana untuk mentafsir dan terus mengalaminya. Konstruksi dinyatakan oleh Kelly sebagai persepsi seorang terhadap sejarah yang dialami dan kecenderungan untuk melihatnya. Kelly bermula dengan konsep falsafah *constructive alternativism*, iaitu suatu idea yang berhasil daripada realiti yang terbentuk melalui pengalaman. Setiap pengalaman yang dialami terbentuk daripada satu atau lebih perspektif iaitu konstruksi. Dengan jangkaan yang ada bagi setiap individu, ia akan dibina (*construct*) melalui pengalaman yang lepas. Bagi Kelly, setiap manusia mempunyai pengalaman dan daripada situalah terbentuknya konstruksi. Jelas bahawa teori konstruksi Kelly dapat diaplikasikan untuk pengalaman. Jika, sesuatu tidak berlaku seperti yang dikehendaki pada masa lalu, kita perlu menyesuaikan diri untuk proses pembinaan semula (*reconstruction*), berdasarkan keputusan daripada eksperimen yang dilakukan. Rekonstruksi atau pembinaan semula menjadi pengalaman baru untuk jangkaan pada masa hadapan. Kelly berpendapat, setiap individu harus meneruskan keyakinan terhadap teori tentang realiti atau kita harus mengubah teori tersebut. Setiap individu mempunyai pelbagai pengalaman, walau bagaimanapun, Kelly menyatakan setiap pengalaman yang berlebihan boleh dikitar semula dan dijadikan sebagai idea. Proses ini dinamakan *creativity cycle*. Situasi ini selalunya digunakan dalam bidang seni. Kebanyakan artis seni sama ada pelukis, pemuzik, penari, koreografer dan lain-lain akan menggunakan pengalaman untuk menghasilkan sesebuah

karya baru. Daripada pengertian ini, dapat dikaitkan bahawa proses perubahan yang berlaku ke atas seni persesembahan tradisi *begendang* melalui kedua-dua proses ini.




*Rethinking Dance History: Reconstruction and Dance As Embodied Textual Practice* oleh Helen Thomas (2004) membincangkan mengenai pemuliharaan, rekonstruksi, pembinaan semula atau penciptaan semula (*reviving, reconstructing, recreating or reinventing*) terhadap sebuah karya tari pada masa lalu. Dalam penulisan ini, penulis membahaskan beberapa isu teori yang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji tari berkenaan dengan pembinaan semula (*reconstruction*) dan pemeliharaan (*preservation*).

*A Short Walk Through Sarawak: The Sarawak Cultural Village Revealed* oleh Mike Reed & Wayne Tarman (1998) menghuraikan penulisan tentang sejarah dan penubuhan Kampung Budaya Sarawak, penghuraian tentang pelbagai jenis rumah dan aktiviti suku kaum yang terdapat di Sarawak dan juga persembahan dan aktiviti penari di belakang pentas di Kampung Budaya Sarawak. Buku ini sangat membantu pengkaji dalam latar belakang Kampung Budaya Sarawak serta mengenali koreografer, penari serta presiden. Pada masa yang sama, ia akan memberi persediaan kepada pengkaji dalam kajian lapangan di Kampung Budaya Sarawak nanti. Penulis buku ini juga telah menceritakan tentang organisasi, aktiviti-aktiviti dan persembahan yang diadakan di muzium tersebut. Penulisan buku ini membantu pengkaji untuk mengetahui secara mendalam tentang organisasi ini. Semasa di kajian lapangan, banyak maklumat tentang penubuhan dan struktur organisasi ini, tetapi selepas membaca secara terperinci kandungan buku ini, banyak maklumat tambahan telah diperoleh. Walau bagaimanapun, buku ini tidak menjelaskan tentang repertoire persembahan tarian tradisional dipersembahkan oleh artis budaya keseluruhan Kampung Budaya Sarawak. Susunan persembahan serta pemilihan tarian tradisional tidak diperincikan dalam penulisan buku



ini. Dalam kajian ini, pengkaji ada menjelaskan secara perinci mengenai susunan struktur persembahan, pemilihan repertoire serta penari.



*Social & Cultural Anthropology; A Very Short Introduction* oleh John Monaghan dan Peter Just (2000) membincangkan tentang pengenalan serta definisi bidang antropologi secara ringkas dan padat. Kandungan dalam buku ini membantu pengkaji memahami bidang antropologi serta pengalaman melalui contoh-contoh kajian kes yang diuraikan oleh penulis. Selain itu, penulisan buku ini membantu setiap pengkaji yang menggunakan kaedah kualitatif dalam penyelidikan tentang kaedah serta pemahaman secara meluas dalam kajian lapangan. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan buku ini sebagai panduan dalam memahami secara meluas kaedah kualitatif dan antropologi. Seperti dinyatakan, seni persembahan tradisi ini merupakan produk budaya masyarakat Melayu Sarawak, maka pengkaji harus memahami dengan lebih jelas tentang budaya mereka. Dalam penyelidikan antropologi, ia lebih fokus terhadap budaya dan sesebuah masyarakat yang dikaji. Justeru itu, penulisan dalam buku ini membimbing pengkaji bagaimana untuk memahami budaya dan masyarakat Melayu Sarawak. Walau bagaimanapun, buku ini menjurus kepada hubungan kaitan budaya dan masyarakat tetapi tidak kepada seni persembahan sesebuah masyarakat tersebut.

Teresa J. Buckland (1999) *Dance in The Field* pula merupakan buku yang menghuraikan tentang metodologi penyelidikan. Dalam buku *Dance in The Field*, topik-topik dalam buku ini membantu kaedah-kaedah semasaatau sebelum berada di lapangan. Penulisan Drid Williams (1999), iaitu *Fieldwork* banyak memberi maklumat dan fahaman untuk persediaan sebelum melangkah ke peringkat lapangan. Manakala, penulisan Anca Giurchescu (1999), *Past & Present in Field Research: a Critical History of Personal Experience*, membincangkan mengenai *Folklore Research* iaitu

